

NO. SOALAN: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB UST. DATO' DR. MOHD
KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 27 MAC 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Ust Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status perlaksanaan audit
ke atas semua rangkaian sistem pengangkutan awam di negara ini
dan bagaimana dapatan audit tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah mula melaksanakan audit ke atas pengendali Bas dan Lori mulai Januari 2014. Fokus program audit yang dijalankan adalah untuk menilai tahap pematuhan pengendali Bas dan Lori berisiko tinggi terhadap peraturan SPAD ICOP (*Industrial Code of Practice*) Keselamatan. Untuk makluman, SPAD ICOP Keselamatan ini telah dikuatkuasakan sebagai syarat lesen pengendali sejak Ogos 2013 untuk pengendali Bas dan Oktober 2013 untuk pengendali Lori.
2. Bagi tempoh 2014 hingga 2016, 371 audit telah dijalankan ke atas pengendali Bas dan Lori. Daripada jumlah tersebut, tindakan penggantungan lesen telah di ambil ke atas 171 pengendali Lori dan 41 pengendali Bas atas pelbagai kesalahan.
3. Tambahan kepada itu, penilaian tahap pematuhan pengendali kepada elemen-elemen di dalam SPAD ICOP Keselamatan pada masa ini juga diambil kira semasa proses menilai kelayakan permohonan membaharui lesen pengendali Bas dan Lori.
4. Sementara itu, bagi sistem-sistem kereta api di Malaysia pula, SPAD sentiasa melaksanakan audit keselamatan, teknikal dan penilaian teliti secara berkala. Audit-audit ini adalah untuk memastikan pengendali-pengendali berlesen kereta api sentiasa mengutamakan

ketepatan sistem dan subsistem kereta api serta memastikannya mencukupi, sistem pengurusan dokumentasi termasuk *Standards Operation Procedure* (SOP) yang lengkap dan penyediaan sistem pengurusan risiko untuk operasi dan penyelenggaraan sistem kereta api yang menyeluruh. Segala pemerhatian yang dikenalpasti hasil aktiviti-aktiviti audit ini akan terus dikongsi bersama pengendali kereta api untuk penambahbaikan.

Sekian, terima kasih.